

Malam penutupan Pesta Tamu Gadang UMSKAL penuh warna warni

UB 4.12.2018 A10

LABUAN: Malam penutupan Pesta Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2018 berlangsung dengan meriah dan penuh warna warni.

Pesta Tamu Gadang UMSKAL yang bermula 30 November lalu berakhir pada Ahad di Dewan Utama, UMSKAL dengan pelbagai pengisian menarik serta menghiburkan kira-kira 1,000 hadirin.

Para penonton pada malam itu disajikan dengan pelbagai acara hiburan antaranya persembahan mantap lima finalis Pertandingan UMSKAL Talent Night yang membuat persembahan lakonan, nyanyian, tarian dan persembahan bermain dengan api.

Kemeriahan malam itu tidak terhenti di situ apabila sekumpulan tidak kurang 30 penari yang digelar Festival Of Light UMSKAL menggerakkan dewan dengan perse-



PERSEMBAHAN Festival of Light UMSKAL 'menggegar' dewan Utama UMSKAL.

mbahan tarian yang tidak ubah seperti babak dalam filem tamil.

Persembahan mereka yang mendapat tepukan gemuruh penonton disahut pula oleh persembahan memukau kumpulan penari Taming Mas UMSKAL dengan membawa tarian tradisi suku kaum Bugis.

Malam gemilang penutupan Pesta Tamu Gadang UMSKAL itu dilengkapi dengan kemunculan dua artis jemputan iaitu Syafiq Farhain dan Haqiem Rusli, yang masing-masing mendendangkan empat lagu. Persembahan vokal yang mantap daripada

mereka nyata memukau hadirin yang turut serta menyanyi bersama di sepanjang lagu.

Pesta Tamu Gadang UMSKAL merupakan acara tahunan dan bagi tahun ini dipenuhi pelbagai program sampingan lain antaranya Cyber Game Challenge, Bengkel


dan Pertandingan Catur, Pameran Perubatan Tradisional, Kids Got Talent, Futsal Terbuka Lelaki, Karaoke Santai, Graduate Run UMSKAL, Combat Sport Demo, Bengkel Tari, UMSKAL Cooking Challenge dan gerai jualan makanan serta barangan.

Perasmian majlis penutupan dan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan UMSKAL Talent Night disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Halik.


Hadir sama, Timbalan Pengarah Kampus UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Prof Madya Dr Lee Hock Ann, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Mohamad Tuah dan Naib Presiden MPP UMSKAL Fauzan Mirza Eko.



MURNIZAM (tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama semua finalis UMSKAL Talent Night.



MURNIZAM (dua dari kanan) menyempurnakan gimik perasmian penutupan bersama tetamu jemputan lain.



GERAI-gerai jualan makanan dan barangan Pesta Tamu Gadang UMSKAL.